

ADENDUM AMANAT PRESIDEN: MEMPERBAHARUI EKONOMI, MENYEDIAKAN PELUANG UNTUK SEMUA

► IRMA KAMARUDIN DAN NUR DHUHA ESOF

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Usaha asah kemahiran berbeza pelajar posmenengah, varsiti digiat

KEMENTERIAN Pendidikan (MOE) akan membangunkan pelbagai laluan pendidikan dalam bidang berlainan di peringkat posmenengah dan pengajian tinggi supaya pelajar dapat membina ilmu dan kemahiran dalam bidang yang diminati.

Malah, ia mahu memberi tumpuan pada pembelajaran bukan hanya di sekolah, bahkan di tempat kerja menerusi program bekerja sambil belajar dan program lain seperti Program Bekerja dan Belajar SkillsFuture.

Pemangku Menteri Pendidikan (Sekolah), Encik Ng Chee Meng, dan Pemangku Menteri Pendidikan (Pendidikan Tinggi dan Kemahiran), Encik Ong Ye Kung, dalam adendum kepada ucapan Presiden, berkata pelajar akan dapat mempelajari ilmu dan kemahiran yang terkini dan membina asas yang kukuh bagi pembelajaran sepanjang hayat dalam apa jua laluan yang dipilih.

Kedua pemangku menteri itu turut menekankan bahawa mereka mahu setiap pelajar mempunyai keinginan dan sifat ingin tahu untuk terus belajar dan mengasah kemahiran mereka sepanjang hayat.

Objektifnya bukan mendapatkan kelayakan yang lebih banyak dan lebih tinggi, tetapi meraih kepakaran dalam apa jua yang dilakukan, kata mereka.

“Sebagai sebuah masyarakat, ekonomi dan negara, kita perlu mengiktiraf dan meraikan bentuk kejayaan yang berbeza, dan menerima sebuah budaya pembelajaran sepanjang hayat,” kata mereka.

Dua pemangku menteri itu berkata kadar penyertaan kohort bagi tempat universiti yang dibiayai awam akan dinaikkan daripada 32 peratus sekarang kepada 40 peratus menjelang 2020 untuk menampung lebih ramai pelajar.

Kursus yang ditawarkan universiti juga semakin meluas, dengan Institut Teknologi Singapura (SIT) dan UniSIM akan melancarkan lebih banyak program sarjana muda kegunaan yang berkaitan dengan industri.

Institut Pendidikan Teknikal (ITE) akan terus membolehkan pelajar membangunkan kemahiran amali dan relevan pada industri manakala politeknik pula akan menyediakan pendidikan berdasarkan

amali dalam sekitaran yang dinamik dan progresif.

Lebih banyak program sambilan dan kursus modul berdasarkan kemahiran juga akan ditawarkan di institusi pendidikan posmenengah demi mempermudah proses pembelajaran sepanjang hayat.

Sementara itu, MOE juga akan meneruskan usaha mengurangkan tumpuan keterlaluan pada keputusan akademik agar pelajar dapat menikmati pembelajaran dan mempunyai masa melakukan kegiatan lain yang diminati.

MOE akan terus membangun, memperhalusi dan mengongsi kurikulum tadika dan pengajaran serta sumber pembelajaran yang sesuai dengan usia pelajar bersama sektor prasekolah.

Ia juga akan memperkukuh program di sekolah rendah demi membantu pelajar mengenali kekuatan dan minat mereka dalam bidang seperti seni, muzik dan sukan dan memberikan tumpuan lebih kuat pada pendidikan luar bilik darjah.

MOE akan turut mencipta landskap sekolah menengah yang berlainan, yang

menawarkan program dalam pelbagai bidang dan peluang pembelajaran kegunaan demi menyediakan lebih banyak pilihan kepada pelajar.

Penyampaian rangka kerja Kecakapan Abad ke-21 juga akan diperkukuh dalam kurikulum maktab rendah (JC) bagi mempersiapkan pelajar bagi pembelajaran lanjut dan membangunkan individu yang memiliki watak kukuh, daya ketahanan dan sifat rendah hati untuk berkhidmat kepada masyarakat.

MOE akan terus membantu pelajar yang lemah dalam akademik dengan memperkukuh program menaikkan tahap berdasarkan sekolah.

Pelajar daripada keluarga yang memerlukan juga akan diberi sokongan kewangan bagi menampung kos pendidikan.

Usaha akan dipertingkat bagi menyokong kanak-kanak yang mempunyai keperluan pendidikan khas menerusi program berdasarkan sekolah, perkhidmatan khusus, sekolah pendidikan khas dan program dengan kerjasama majikan bagi mempermudah peralihan daripada sekolah kepada tempat kerja.

RANCANGAN MOE

Mengurangkan tumpuan keterlaluan pada keputusan akademik

► MOE akan terus membangun, memperhalusi dan mengongsi kurikulum tadika dan pengajaran serta sumber pembelajaran yang sesuai dengan usia pelajar bersama sektor prasekolah;

► memperkukuh program di sekolah rendah demi membantu pelajar mengenali kekuatan dan minat mereka dalam bidang seperti seni, muzik dan sukan, dan memberikan tumpuan lebih kuat pada pendidikan luar bilik darjah;

► mencipta landskap sekolah menengah yang pelbagai, yang menawarkan program dalam bidang berbeza dan peluang pembelajaran kegunaan demi menyediakan lebih banyak pilihan kepada pelajar

► rangka kerja Kecakapan Abad ke-21 juga akan diperkukuh penyampaian dalam kurikulum maktab rendah (JC)

Membangunkan lebih banyak laluan pendidikan

► Kadar penyertaan kohort bagi tempat universiti yang dibiayai awam akan dinaikkan daripada 32 peratus hari ini kepada 40 peratus pada 2020

► SIT dan UniSIM akan melancarkan lebih banyak program sarjana muda kegunaan